

## TAHAP KOMPETENSI BAHASA GURU BAHASA ARAB DI SABK DI MALAYSIA

**Awatif Abdul Rahman, Mohd Shafie Zulkifli, Muhammad Hashimee,**  
[awatif@kuis.edu.my](mailto:awatif@kuis.edu.my), [mohdshafie@kuis.edu.my](mailto:mohdshafie@kuis.edu.my), [muhammad@kuis.edu.my](mailto:muhammad@kuis.edu.my)

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

**Ainon Wazir, Muafah Sayed,**  
[aaiwaz@yahoo.com](mailto:aaiwaz@yahoo.com), [muzaiha@yahoo.com.my](mailto:muzaiha@yahoo.com.my)

*Institut Perguruan Guru Kampus Pendidikan Islam*

### ABSTRAK

Kompetensi boleh ditakrifkan sebagai kemahiran generik, kemahiran asas, kemahiran utama, dan kemahiran personal yang merujuk kepada pengetahuan dan kemahiran serta sikap yang menjadi asas kepada tugas atau prestasi kerja yang dipertanggungjawabkan merentasi semua bidang. Dalam senario pendidikan Malaysia, gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, memberi fokus kepada meningkatkan standard profesionalisme guru, iaitu berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM). Dalam konteks guru bahasa Arab, kompetensi yang paling penting adalah penguasaan bahasa. Oleh itu, objektif kajian ini adalah menilai tahap kompetensi guru bahasa Arab dari aspek nahu Bahasa Arab, dan mengenalpasti tajuk nahu yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru bahasa Arab di SABK di Malaysia. Kajian ini melibatkan 218 guru bahasa Arab di SABK meliputi empat zon iaitu zon Utara, Timur, Selatan dan Tengah. Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen satu set soalan ujian kompetensi guru bahasa Arab yang diadaptasi dan dibangunkan berdasarkan kriteria guru bahasa Arab yang telah dikeluarkan dan diguna pakai oleh *National Center for Assessment in Higher Education, Saudi Arabia*. Instrumen kajian ini telah melalui proses kesahan pakar dan telah dirintis sebelum digunakan dalam kajian ini. Data yang diperoleh daripada soalan ujian kompetensi dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 25. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK berada pada tahap baik dengan min peratus 82% manakala tajuk nahu yang paling menjadi kesukaran kepada para responden adalah tajuk المنصوبات. Beberapa cadangan dikemukakan di akhir kajian bagi tujuan penambahbaikan dan pementapan tahap kompetensi nahu bagi guru bahasa Arab di SABK sebagai pelaksana Kurikulum Bersepadu Dini.

**Kata kunci :** *Kompetensi, guru, bahasa Arab, SABK, Malaysia.*

### Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) memfokuskan kepada enam aspirasi murid di Malaysia. Di antara aspirasi tersebut dinyatakan sebagai Kemahiran Dwibahasa. Dalam hal ini Kementerian Pelajaran telah menggagaskan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di sekolah-sekolah agama sama ada Sekolah Agama Menengah (SAM) atau Sekolah Agama Rakyat (SAR). Sekolah-sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Kurikulum yang digunakan di SABK terbahagi kepada dua bentuk, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum

Bu'uth al-Azhar. Pelaksanaan KSSM di SABK adalah selaras dengan status sekolah tersebut yang berada di bawah pentadbiran KPM manakala pelaksanaan Kurikulum Bu'uth Al-Azhar pula adalah mengambil kira kurikulum asal yang digunakan sebelum pertukaran status kepada SABK. Kini, Kurikulum Bu'uth al-Azhar diberi penjenamaan baharu sebagai Kurikulum Bersepadu Dini (KBD). KBD yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar akan mempertingkatkan kualiti komunikasi dan berbahasa serta mampu merujuk asas-asas ilmu pengetahuan dalam kitab-kitab muktabar. Aspek pengetahuan kurikulum ini akan mengembangkan potensi dan keupayaan murid dalam ilmu agama dan bahasa Arab. Kurikulum ini juga dapat mengembangkan kemahiran berfikir mereka melalui pelbagai kaedah, pendekatan dan teknik pembelajaran dan pengajaran dengan menerapkan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Mata pelajaran KBD diajar dalam bahasa Arab manakala mata pelajaran KSSM dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Mata pelajaran KBD terdiri dari beberapa komponen seperti dalam jadual berikut:

**Jadual 1. 1: Mata Pelajaran Kurikulum Bersepadu Dini**

Bil	Subjek	Sub-topik
1	Usul al-Din	<ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Tauhid</li> <li>• al-Tafsir</li> <li>• al-Hadis</li> <li>• al-Sirah wa Tarikh al-Islam</li> <li>• al-Akhlak wa al-Tasawwuf</li> </ul>
2	al-Syari'ah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Qur'an wa al-Hifz</li> <li>• Fiqh al-Ibadat</li> <li>• al-Munakahat</li> <li>• Fiqh al-Mu'amalat</li> <li>• Fiqh al-Jinayat</li> </ul>
3	al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Istima' wa al-Kalām</li> <li>• al-Qira'ah</li> <li>• al-Kitabah</li> <li>• al-Mutalaah wa al-Ta'bir</li> <li>• al-Nahu wa al-Sarf</li> </ul>
4	Manahij al-Ulum al-Islamiyah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Mantiq</li> <li>• Usul al-Fiqh</li> </ul>
5	Al-Adab wa al-Balaghah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• al-Adab wa al-Nusus</li> <li>• al-Balaghah</li> </ul>

Kurikulum dalam KBD terdiri dari lima komponen besar yang kesemuanya diajar dalam bahasa Arab termasuklah buku teks. Medium penyampaian dan bahan bantu mengajar (BBM) kesemuanya disampaikan menggunakan bahasa Arab. Ia merupakan satu cabaran yang masih perlu ditangani. Penguasaan guru terhadap nahu bahasa Arab sangat penting kerana ia memberi kesan kepada penguasaan murid.

Fungsi utama ilmu nahu adalah untuk memberi kefahaman yang tepat kepada makna ayat atau teks berbahasa Arab (al-Khuli, 1986). Kajian mendapati terdapat hubungan antara pengetahuan guru dan pengetahuan murid (Ahmad Rizal Madar, Nurul Akmar Kamaruddin & Saifullizam Puteh, 2005; Shaipul Anuar Mohamed Zainudin, 2012; Mohamad Johdi Salleh et al., 2012; & Rahmadhaniah Abdul Majid, 2008). Dalam konteks ini, kajian lain menunjukkan penguasaan nahu guru Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) hanya berada pada tahap memuaskan (Hazrul Affendi, 2016). Ini memberi kesan kepada penguasaan nahu dalam kalangan murid (Hashim Mat Zin, 2008; Munirah Jaafar, 2011; & Normila Norudin et al., 2014).

Bersandarkan kepada pernyataan ini, maka satu kajian bertujuan untuk mengukur tahap kompetensi nahu dalam kalangan guru-guru SABK perlu dilaksanakan. Sorotan literatur juga menunjukkan bahawa kajian kompetensi nahu guru sangat kurang dijalankan apatah lagi yang melibatkan ujian kompetensi nahu seperti yang dilaksanakan dalam kajian ini.


### Objektif Kajian

1. Menilai tahap kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK dari aspek nahu bahasa Arab.
2. Mengenalpasti tajuk nahu yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru bahasa Arab SABK di Malaysia.

### Persoalan Kajian

1. Apakah tahap kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK dari aspek nahu bahasa Arab?
2. Apakah tajuk nahu yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru bahasa Arab SABK di Malaysia?

### Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1. 1: Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, kajian ini menilai tahap kompetensi guru bahasa Arab SABK dari aspek nahu dengan mengambil kira indikator penguasaan nahu yang dicadangkan dalam kerangka guru bahasa Arab oleh *National Center For Assessment For Higher Education*, Saudi Arabia (2017). Seterusnya, tahap kompetensi guru-guru bahasa Arab SABK akan ditentukan berdasarkan pemeringkatan enam tahap iaitu sangat tinggi, baik, memuaskan, mampu menguasai, terhad dan kurang penguasaan. Berdasarkan dapatan kajian juga, tajuk nahu yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru-guru bahasa Arab SABK dapat dikenalpasti.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kompetensi guru bahasa Arab SABK dalam aspek nahu. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian tentang tahap penguasaan nahu dalam kalangan guru bahasa Arab di SABK dapat menjadi kayu ukur sebenar terhadap kompetensi guru bahasa Arab di SABK dalam bidang nahu. Tahap kompetensi ini juga boleh menjadi panduan kepada institusi latihan guru untuk menggubal kurikulum atau modul latihan yang berkesan untuk meningkatkan kualiti penguasaan guru bahasa Arab di SABK dalam bidang nahu. Manakala tajuk-tajuk nahu yang menjadi kesukaran dalam kalangan guru bahasa Arab di SABK perlu diberi perhatian oleh semua pihak agar latihan dan bimbingan berterusan secara lebih berfokus dapat disediakan untuk meningkatkan tahap kompetensi guru bahasa Arab dalam bidang nahu secara khususnya.

### **Batasan Kajian**

#### **Populasi dan Sampel**

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran *al-Lughah al-Arabiah al-Mu'asirah* (LAM) di SABK sahaja.

### **Lokasi Kajian**

Lokasi kajian melibatkan negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Sekolah yang terlibat adalah SABK yang menggunakan kurikulum LAM dalam KBD.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini ialah ujian kompetensi yang hanya melibatkan tajuk nahu sahaja dan tidak melibatkan komponen bahasa Arab yang lain seperti morfologi, retorika dan kemahiran bahasa.

### **Definisi Operasi Kajian**

#### **Kompetensi**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kompetensi ialah kelayakan, kepimpinan, kesanggupan dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab (Mohammed Sani et al., 2015). Dalam kajian ini, kompetensi yang dimaksudkan ialah kompetensi yang dimiliki oleh guru bahasa Arab di SABK dalam ilmu nahu

bahasa Arab, iaitu berdasarkan beberapa tajuk nahu terpilih berdasarkan kerangka guru bahasa Arab yang dicadangkan oleh *National Center For Assessment For Higher Education*, Saudi Arabia (2017).

Manakala **tahap kompetensi** pula merujuk kepada tahap penguasaan guru-guru bahasa Arab di SABK dalam bidang nahu sebagaimana yang diperoleh daripada ujian kompetensi nahu. Tahap ini dibahagikan kepada enam tahap iaitu sangat tinggi, baik, memuaskan, mampu menguasai, terhad dan kurang penguasaan.

Dalam konteks kajian ini, kompetensi merujuk kepada pengetahuan guru bahasa Arab SABK dalam bidang nahu bahasa Arab yang diukur melalui ujian kompetensi nahu.

## **Guru Bahasa Arab**

Merujuk kepada guru yang mengajar bahasa Arab sama ada di peringkat rendah mahupun di peringkat menengah bagi seluruh institusi pendidikan di Malaysia. Dalam kajian ini, guru bahasa Arab yang dimaksudkan ialah guru yang mengajar subjek LAM di SABK Semenanjung Malaysia.

## **Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)**

SABK merujuk kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang ditadbir oleh KPM dan menerima pelbagai kemudahan, pemilikan tanah, bangunan serta kurikulum agama juga masih dikekalkan di bawah kerajaan negeri (KPM, 2019). Dalam konteks kajian ini, SABK merujuk kepada SABK di Semenanjung Malaysia yang dibahagikan kepada empat zon, iaitu zon Timur, Selatan, Tengah dan Utara.

## **Kajian-Kajian Lepas**

### **Kompetensi Umum**

Kompetensi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) ialah kelayakan, kepimpinan, kesanggupan dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu tugas. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan tugas atau tanggungjawab (Mohammed Sani et al., 2015). Kompetensi sering dianggap sebagai piawaian yang menentukan prestasi perkhidmatan seseorang pegawai dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang disandang (Mohammed Sani et al., 2015).

Bagi menentukan tahap guru profesional, Jafaruddin (2015) telah meletakkan indikator sebagai kayu ukur seperti kemampuan merancang pembelajaran, kemampuan guru dalam proses PdP serta kemampuan untuk mengevulasi pembelajaran. Berdasarkan kajian dari Nazri Atoh et al., (2014) mengenai guru bahasa Arab yang profesional dan berkualiti adalah guru yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam opsyen bahasa Arab, memiliki pendidikan dalam bidang perguruan atau sekurang-kurangnya pernah berpraktikum di sekolah. Selain itu, guru tersebut juga menggunakan 80% bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan dalam PdP dan melaksanakan bentuk PdP yang menarik dan berkesan sekaligus cakna dengan persekitaran pembelajaran.

## **Kompetensi Pengajaran**

Merujuk kepada definisi yang dikeluarkan oleh *National Center of Assessment in Higher Education*, Saudi Arabia (2017) pengajaran yang berkemampuan adalah pengajaran yang mengamalkan nilai-nilai dan ciri-ciri yang harus dimiliki oleh seorang guru bahasa Arab yang mahir dalam bidang ilmunya. Oleh itu, seorang guru bahasa Arab yang kompeten haruslah memiliki pengetahuan yang kukuh dalam bidang pengkhususan yang diceburi dan setiap cabang ilmu yang berkaitan dengannya.

## **Kompetensi Guru Bahasa Arab Dalam Aspek Nahu**

Kompetensi guru sebenarnya amat dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan supaya para guru fokus kepada kemahiran pengajaran serta melatih para guru dengan pendekatan baharu bagi memastikan aspek kemenjadian murid dapat direalisasikan (Utusan, 3 November 2018). Oleh sebab itu, kajian ini secara asasnya menguji tahap penguasaan ilmu nahu bagi guru-guru bahasa Arab SABK di Malaysia. Menurut H. Taha, (2017) guru-guru bahasa Arab wajib diterapkan dengan ilmu nahu dan menguasainya sebelum mengajar di sekolah-sekolah seperti yang dilakukan oleh Universiti Sultan Qaboos di Oman yang mewajibkan murid pendidikan Ijazah Sarjana Muda mengambil 67 jam kredit bagi mata pelajaran bahasa Arab yang merangkumi ilmu nahu, sorof dan sastera Arab sebelum bergraduasi. Hal ini dapat memastikan para guru betul-betul mahir dengan ilmu bahasa Arab bagi memastikan para murid menerima ilmu dengan betul.

## **Penguasaan Guru Dalam Ilmu Nahu**

Sorotan daripada kajian-kajian lepas mendapati bahawa kebanyakan berkisar tentang pengajaran ilmu bahasa Arab kepada murid. Untuk mencapai objektif dalam pengajaran nahu bahasa Arab seperti yang telah dirancang, fokus perlu diberikan kepada pelbagai bidang bahasa seperti kefahaman, penulisan, sastera, balaghah serta ilmu nahu dan sorof itu sendiri (Ahmad Kilani et al., 2003). Guru juga tidak boleh lari daripada penguasaan bahasa Arab itu sendiri khususnya dari sudut ilmu nahu.

Dalam kajian Hazrul et al., (2016) berkaitan penguasaan ilmu nahu dalam kalangan guru-guru bahasa Arab STAM di negeri Perak mendapati penguasaan guru-guru STAM dalam ilmu nahu adalah pada tahap memuaskan. Ilmu nahu adalah penting bagi guru-guru yang mengajar mata pelajaran *Dini* khususnya bahasa Arab kerana untuk memahami teks Arab yang dibaca dan membacanya dengan baris yang betul (Salamiah et al., 2012). Maka, ilmu nahu memainkan peranan yang penting dalam memandu seseorang membaca teks Arab dengan baris yang betul kerana ilmu nahu adalah ilmu yang menentukan makna dan peraturan bahasa serta memberikan makna dan kefahaman ayat atau teks yang tepat (al-Khuli, 1986). Salah satu faktor yang amat dititikberatkan dalam penguasaan sesuatu bahasa adalah pengajaran. Pengajaran yang berkesan mampu menjamin kemahiran berbahasa dalam kalangan murid.


## **Metodologi**

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi tujuan melihat kompetensi guru-guru bahasa Arab di SABK. Data kajian dikumpulkan melalui soalan ujian kompetensi manakala dapatan dihurai secara deskriptif bagi menerangkan tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK di empat buah zon di Semenanjung Malaysia.

## Populasi dan Sampel

Populasi bagi kajian ini melibatkan negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Jumlah bilangan guru SABK ditentukan mengikut empat zon berbeza iaitu (i) Zon Utara, (ii) Zon Timur, (iii) Zon Tengah, dan (iv) Zon Selatan. Bilangan keseluruhan guru SABK mengikut empat buah zon adalah seperti Rajah 1.2 di bawah.



**Rajah 2. 1: Bilangan Keseluruhan Guru di SABK Mengikut Zon Sumber: Unit Pendidikan Islam Rendah, Bahagian Pendidikan Islam, KPM 2017**

Jumlah populasi guru bahasa Arab SABK di negeri-negeri Semenanjung Malaysia seperti yang telah disebutkan adalah seramai 490 orang guru. Oeh yang demikian, sampel guru yang dilibatkan dalam kajian adalah lebih kurang 215 – 217 orang guru sahaja berdasarkan Jadual 2.1 Krejcie Morgan (1970) di bawah.

**Jadual 2. 1: Populasi dan Sampel (Krejcie Morgan)**

<i>Table for Determining Sample Size of a Known Population</i>									
N	S	N	S	N	S	N	S	N	S
10	10	100	80	280	162	800	260	2800	338
15	14	110	86	290	165	850	265	3000	341
20	19	120	92	300	169	900	269	3500	346
25	24	130	97	320	175	950	274	4000	351
30	28	140	103	340	181	1000	278	4500	354
35	32	150	108	360	186	1100	285	5000	357
40	36	160	113	380	191	1200	291	6000	361
45	40	170	118	400	196	1300	297	7000	364
50	44	180	123	420	201	1400	302	8000	367
55	48	190	127	440	205	1500	306	9000	368
60	52	200	132	460	210	1600	310	10000	370
65	56	210	136	480	214	1700	313	15000	375
70	59	220	140	500	217	1800	317	20000	377
75	63	230	144	550	226	1900	320	30000	379
80	66	240	148	600	234	2000	322	40000	380
85	70	250	152	650	242	2200	327	50000	381
90	73	260	155	700	248	2400	331	75000	382
95	76	270	159	750	254	2600	335	100000	384

*Note: N is Population Size; S is Sample Size* *Source: Krejcie & Morgan, 1970*

## **Prosedur Pengumpulan Data**

Pengumpulan data dijalankan oleh pengkaji setelah mendapat kebenaran daripada KPM iaitu dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Permohonan dibuat secara atas talian melalui laman sesawang <https://eras.moe.gov.my/> pada tarikh 02 Mei 2018 dan telah diberi kelulusan untuk menjalankan kajian pada tarikh 15 Mei 2018. Pengkaji kemudian membuat permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada 16 Ogos 2018 dan juga kepada semua Pengetua/Guru Besar yang terlibat.

Fasa pertama melibatkan kajian rintis yang dijalankan secara manual dan atas talian. Guru-guru yang terlibat dalam kajian rintis ini adalah guru yang mengajar LAM dari empat buah sekolah di Selangor iaitu Sekolah Agama Menengah Sungai Merab Luar, Sekolah Agama Menengah Batu 10, Sekolah Agama Menengah Bandar Baru Salak Tinggi dan Sekolah Agama Menengah Bestari serta sebuah sekolah di Perak iaitu Sekolah Raja Perempuan Taayah. Kajian rintis ini mula dijalankan pada tarikh 16 Julai hingga 2 Ogos 2018.

Fasa kedua pula melibatkan kajian sebenar. Bagi melaksanakan pengumpulan data, pengkaji menggunakan platform *Survey Crest* <https://goo.gl/pYzGux> yang dijalankan bermula September 2018.

## **Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Dalam menentukan kesahan instrumen kajian, dua jenis kesahan instrumen telah digunakan iaitu kesahan muka dan kesahan kandungan. Beberapa orang pakar yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang luas dalam membina instrumen telah dipilih bagi menentukan kesahan berkenaan ketepatan penggunaan bahasa, ejaan dan sebagainya mengikut laras bahasa yang difahami responden kajian. Seterusnya, kesahan item-item yang terdapat di dalam instrumen juga turut diambil kira. Item-tem dinilai dan dipastikan agar dapat mewakili semua konstruk yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

## **Kebolehpercayaan Instrumen Kajian**

Kebolehpercayaan adalah satu ukuran yang digunakan untuk menentukan ketekalan nilai skor setiap item. Nilai skor setiap item dinilai berdasarkan nilai *alpha* antara 0.00 hingga 1.00. Dalam kajian ini, instrumen soalan ujian dinilai menggunakan *Alpha Cronbach* untuk menentukan nilai kebolehpercayaan kesemua item yang terdapat dalam konstruk kajian. Nilai *alpha* 0.65 – 0.95 memiliki kebolehpercayaan yang tinggi kerana menghampiri nilai *alpha* 1.00 manakala item yang memiliki nilai *alpha* < 0.60 menunjukkan tahap kebolehpercayaan di tahap yang rendah (Ghazali & Sufean, 2016).

Dalam kajian ini, nilai *alpha* yang diperolehi bagi keseluruhan item dalam instrumen adalah = .945. Ini menunjukkan instrumen memiliki kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan sebagai instrumen dalam kajian sebenar.



## Instrumen Kajian

Instrumen kajian menggunakan soalan ujian yang diadaptasi berdasarkan kayu ukur yang diambil dari *National Center for Assessm* .

## Prosedur Penganalisan Data

### Soalan Ujian

Soalan ujian ini melibatkan responden dalam kalangan guru di SABK di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Sebelum memulakan penganalisan data, pengkaji terlebih dahulu mengasingkan jawapan soalan ujian guru yang tidak lengkap. Hal ini tidak mengganggu jumlah sampel sebenar kerana data yang diambil melebihi jumlah sampel yang ditetapkan (N: 215 - 217). Setelah itu, pengkaji menanda dan merekodkan jumlah skor guru. Skor 40 merupakan skor paling tinggi kerana setiap jawapan yang betul diberikan skor 1 manakala jawapan yang salah diberikan skor 0. Seterusnya, pengkaji menukar skor guru kepada bentuk min dan peratusan.

Bagi mendapatkan min bagi setiap guru, data daripada soalan ujian tersebut dianalisis dengan menggunakan program *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 25. Begitu juga dengan min bagi setiap item dalam ujian tersebut. Data-data kajian ini kemudiannya dihurai dan dianalisis secara deskriptif bagi mengenal pasti tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK. Selain itu, data-data ini juga dipersembahkan dalam bentuk jadual, graf, carta dan ilustrasi agar perbincangan dapat dipersembahkan dengan lebih jelas.

Dalam konteks ini, tahap kompetensi guru bahasa Arab di SABK diinterpretasikan berdasarkan min dan peratus seperti Jadual 1.3 di bawah yang dirujuk dan diadaptasi terus daripada Hazrul Affendi, Zamri dan Hakim (2016).

## Perbincangan

### Analisis Dapatan

#### Kompetensi Bahasa Guru Bahasa Arab SABK

Jadual berikut merupakan dapatan keseluruhan kompetensi bahasa guru bahasa Arab SABK di sekolah-sekolah di Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya kompetensi **bahasa** guru bahasa Arab SABK pada tahap **baik** dengan nilai min peratus keseluruhan sebanyak **82%**.

**Jadual 3. 1: Kompetensi Guru Bahasa Arab SABK**

	N	Min Peratus	Tahap
Kompetensi Guru Bahasa SABK	218	82%	Baik

**Jadual 3. 1: Peratusan Kekerapan Ujian Guru Bahasa SABK**

*PERATUS*

	Kekerapan	Peratusan	Pencapaian	Penguasaan Nahu	
Markah Ujian	0 - 29	0	Sangat Lemah	Kurang Penguasaan	
	30 - 44	1	Lemah	Terhad	
	45 - 59	4	1.8	Kurang Baik	Mampu Menguasai
	60 - 69	16	7.3	Sederhana Baik	Memuaskan
	70 - 84	83	38.1	Baik	Baik
	85 - 100	114	52.3	Cemerlang	Sangat Tinggi
	Jumlah	218	100.0		
<b>MIN KESELURUHAN</b>		<b>82%</b>	<b>Baik</b>	<b>Baik</b>	

Berdasarkan Jadual 3.1 di atas, majoriti guru memperoleh 85-100 markah seramai 114 orang guru (52.3%), diikuti dengan markah 70 – 84 seramai 83 orang guru (38.1%), 60-69 seramai 16 orang guru (7.3%), 45 – 59 seramai 4 orang guru (1.8%) dan seorang guru (0.5%) memperoleh markah terendah iaitu 30 – 44.

### Konstruk Ujian Nahu

**Jadual 3. 2: Pencapaian Responden Mengikut Konstruk**

*Konstruk Ujian Nahu*

	Peratusan	Pencapaian	Tahap Kompetensi Nahu
Pembahagian Perkataan	95%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Marfu'	89%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Majrur	87%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Hukm Fe'il Mudhori'	85%	Cemerlang	Sangat Tinggi
Ism Mansub	58%	Kurang Baik	Mampu Menguasai

Berdasarkan Jadual 3.2 di atas, majoriti guru memperoleh peratusan cemerlang dalam **pembahagian perkataan** sebanyak (95%), *Ism Marfu'* sebanyak (89%), *Ism Majrur* sebanyak (87%) dan *Hukm Fe'il Mudhori'* sebanyak (85%). *Ism Mansub* dilaporkan berada pada peratusan kurang baik sebanyak (58%).

### Kesimpulan

Guru merupakan faktor terpenting dalam proses pengajaran terutama pengajaran bahasa. Guru perlu memiliki pengetahuan dan maklumat yang banyak untuk menjadikan pengajaran yang diajar dapat memberi impak positif dan lebih berkesan kepada murid. Guru yang dipertanggungjawabkan dalam mengajar subjek nahu perlu memiliki kemahiran tinggi dan terlatih dalam bidang ini. Di samping itu, guru juga perlu menguasai secara menyeluruh aspek pengajaran bahasa dan memahami bahawa pengajaran nahu adalah komponen terpenting dalam

memastikan keberhasilan kesan positif dalam pengajaran bahasa. Hal ini menunjukkan bahawa komponen nahu merupakan komponen bahasa terpenting yang perlu dikuasai oleh para guru terlebih dahulu. Dapatan jelas menunjukkan bahawa, para guru memerlukan penambahbaikan dari aspek pengetahuan ilmu nahu di samping mengikuti kursus-kursus yang tidak hanya memfokuskan kepada cara dan teknik pengajaran, bahkan yang menjurus ke arah penambahbaikan dan penguasaan ilmu nahu. Hal ini juga selari dengan beberapa cadangan yang dikemukakan oleh para guru bahawa mereka memerlukan kursus dari segi *qawaid* sebagai ulangkaji tahunan dan bukan semata-mata penerangan teori atau pembentangan melalui *slide* sahaja untuk pemantapan dalam pengajaran ilmu nahu secara khususnya.

## Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada pihak yang terlibat di dalam kajian ini secara langsung atau tidak langsung. Kajian ini dibiayai oleh geran GPIK 2017 di bawah kendalian RMC, KUIS yang bertajuk “Tahap Kompetensi Guru Bahasa Arab di SABK di Malaysia”, kod penyelidikan: 2017/P/GPIK/GPM-017.

## Rujukan

- Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Muhammad, & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Murid Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM in *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges* at Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi on 26 March 2003, hlm. 1-12.
- Al-Khuli, Muhammad Ali. (1986). *Asalib Tadris al-Lughah al-Arabiyyah*. Ed-2. Riyad: *Matba'ah al-Farazdaq al-Tijariyyah*.
- Ghazali Darulsalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan, Amalan dan Analisis Kajian*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hazrul Affendi Mohamad Razali, Zamri Arifin, Hakim Zainal, Mohd. Nizho Abdul Rahman, Shuhairimi Abdullah. (2016). Lima Tahap Penguasaan Ilmu Nahu dalam Kalangan Guru-Guru Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). *Journal of Human Development and Communication Volume 5*, 2016 [179–208].
- Jafaruddin. (2015), Kompetensi Profesional Guru Dalam Meningkatkan Prestasi Belajar Siswa SMAN 1 KutaCot Glie Kabupaten Aceh Besar, *Jurnal Intelektualita*, Vol 3 No2 (2015),63.
- Keempat, K. D. E. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). Dimuat turun daripada <https://www.moe.gov.my/index.php/my/sekolah/sekolah-agama-bantuan-kerajaan-sabk>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.

- Mohammed Sani Ibrahim, Ahmad Zabidi Abdul Razak (2015). Strategi Implementasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- National Center for Assessment Kingdom of Saudi Arabia. (2017). معايير معلمي اللغة العربية. Dimuat turun daripada <https://www.qiyas.sa/ar/exams/profession/teachers/Pages/default.aspx>
- Nazri Atoh, Saipolbarin Hj Ramli & Mohd Zawawi Ag Hamat (2014). Guru Bahasa Arab Yang Berkualiti: Satu Tinjauan Awal. Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab 2014, ISBN 978-967-5478-78-9.
- Salamiah Ab. Ghani, Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Ahmad, Ummu Hani Hashim & Zuraida Shaadon. (2012). Pengukuhan kemahiran membaca kosa kata nama selepas al-Jar dan al-Zarf dalam teks Arab melalui bacaan alQuran. Prosiding Seminar Pemantauan Projek Penyelidikan Tindakan/Strategik (PTS) Fakulti Pengajian Islam 2012, hlm. 1-7.
- Taha, H. (2017). *Arabic Language Teacher Education*. In A. Gebril (Ed.), *Applied linguistics in the Middle East and North Africa* (pp. 270-287). Amsterdam: John Benjamins.
- Utusan Online. Aspek kemenjadian murid jadi fokus utama – Maszlee. 3 Nov 2018. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/aspek-kemenjadian-murid-jadi-fokus-utama-maszlee-1.780518>